

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, October 22, 2019 8:05 AM
To: UUM - All Students; UUM - All Staff
Subject: Setahun Belajar Dan Bekerja Tanpa Cuti Tidak Sia-Sia



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

22 OKTOBER 2019 / 23 SAFAR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Seksyen Media

SETAHUN BELAJAR DAN BEKERJA TANPA CUTI TIDAK SIA-SIA



UUM ONLINE: Nur Izyan Mustafa Khalid bersyukur kerana keputusan untuk menyambung pengajian di Universiti Utara Malaysia (UUM) mendapat restu dan sokongan suami, Baddrol Bakhtiar yang merupakan ketua pasukan bola sepak Kedah.

Sebagai ibu kepada seorang anak perempuan berusia 3 tahun dan juga pensyarah, Nur Izyan mengakui perlu bijak membahagikan masa untuk keluarga, kerjaya dan belajar agar tiada yang terabai.

Menurutnya, dalam tempoh setahun itu, dia terpaksa berkorban masa tanpa cuti untuk bersama keluarga memandangkan kelas pengajiannya adalah setiap hari Jumaat hingga Ahad pada setiap minggu, manakala pada masa sama turut mengajar di Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS).

"Saya bertuah kerana suami banyak berkorban masa dan kami saling menyokong antara satu sama lain, malah dia juga yang menggalakkan saya untuk menamatkan pengajian sarjana ini walaupun saya pernah berputus asa kerana tertekan dan keletihan untuk membahagikan masa sebaiknya.

“Saya memilih UUM sebagai tempat melanjutkan pengajian kerana lokasinya yang dekat, selain menawarkan program yang bersesuaian dengan keperluan saya iaitu Sarjana Sains (Data Analisis).

“Selepas ini, mungkin saya akan menyambung pengajian di peringkat Doktor Falsafah bagi tempoh empat atau lima tahun pula dengan adanya sokongan suami dan penyelia ketika di pengajian sarjana ini,” katanya yang menerima ijazah daripada Naib Canselor pada sesi ketiga Majlis Konvokesyen Ke-32 UUM di Dewan Mu’adzam Shah.

Sementara itu, Baddrol berkata, sebagai ketua keluarga, dia tidak membantah hasrat isterinya itu untuk melanjutkan pengajian di peringkat lebih tinggi lagi demi kemajuan kerjaya.

Menurutnya, mereka berdua telah berbincang dan menyusun jadual masing-masing agar mempunyai masa untuk bersama keluarga, tambahan pula dia juga sibuk dengan latihan bola sepak dan selepas ini dia merancang untuk membawa keluarga bercuti pada hujung tahun ini.

Bagi graduan kelainan upaya, Azri Muhammad kekurangan diri tidak menjadi halangan untuk dia menggenggam segulung ijazah Sarjana Sains (Pengurusan Pendidikan).

“Saya menghadapi masalah keseimbangan diri selepas terlibat dalam kemalangan hingga menyebabkan kedua kaki pada bahagian betis dan pergelangan kaki terpaksa dimasukkan besi kekal sehingga kini, namun ia bukan alasan untuk saya berputus asa.

“Dorongan ibu bapa yang mahu melihat saya terus belajar dan tidak berhenti di peringkat sarjana muda telah membangkitkan semangat diri untuk membanggakan mereka.

“Walaupun ada ketika saya berasa sakit terutama apabila berdiri terlalu lama akibat kemalangan yang berlaku kira-kira 15 tahun lalu, saya tetap kuatkan hati untuk terus belajar termasuk apabila kehilangan ibu tercinta pada 2016,” katanya yang bekerja sebagai guru Pendidikan Islam di SJK(C) Mah Hua, Tasek Gelugor, Pulau Pinang.

Bapa kepada dua anak ini mula berulang-alik ke UUM pada 2016 demi tuntutan masa depan dan merancang untuk menyambung pengajian di peringkat PhD dalam bidang pendidikan.

Pesannya kepada pelajar agar tidak malu dengan kekurangan diri, jangan mudah menyerah, usaha selagi mampu dan pedulikan kata-kata negatif orang sekeliling, paling penting sentiasa senyum dalam apa jua keadaan.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no

responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.